



<p>-66%</p>  <p><b>RM 102.00</b></p>	<p>-57%</p>  <p><b>RM 85.00</b></p>	<p>-85%</p>  <p><b>RM 26.00</b></p>	<p>-78%</p>  <p><b>RM 29.00</b></p>
---	--	---	--

# PERGOLAKAN CETUS IDEOLOGI RADIKAL

Saadah Abd. Rahman



SIKAP lunak dalam pemerintahan iaitu dengan gigih membantu rakyat melalui pengendalian urusan negara secara ikhlas dan amanah mampu membanteras sebarang ideologi radikal serta ganas di sesebuah negara. GAMBAR HIASAN/UTUSAN

16 Jun 2017 12:05 PM



UMAT Islam yang berada dalam negara yang sering menghadapi pergolakan politik tidak dapat merasai keamanan dan keharmonian dalam kehidupan mereka. Bunyi dentuman bom dan ledakan senjata api sudah biasa bagi mereka.

Apabila negara menghadapi permasalahan ekonomi, politik dan sosial maka pemberontakan dan pembunuhan sukar untuk dielakkan. Suasana demikian menyebabkan korupsi dan penyalahgunaan kuasa menjadi semakin berleluasa kerana sistem pemerintahan dan pentadbiran negara tidak dapat dilaksanakan secara sempurna. Ini adalah dilema yang wujud di negara-negara Islam masa kini.



Kewujudan banyak pergerakan radikal dalam negara Islam sepatutnya dikaji secara menyeluruh. Faktor kebangkitan kumpulan tersebut sepatutnya diberi tumpuan.

Corak atau sistem pemerintahan dan pentadbiran negara-negara Islam yang terbabit perlu dikaji agar pergerakan radikal dapat disekat.

Sesuatu yang berlaku pasti mempunyai sebab musababnya yang perlu dikaji oleh pemimpin negara berkenaan supaya kesilapan dan kecuaiannya dalam pemerintahan dan pentadbiran dapat diperbaiki.

Konsep muhasabah diri sebagai pemimpin dan pembela rakyat sepatutnya dijadikan amalan dalam kehidupan mereka. Sepertimana sabda Rasulullah SAW: "Tiada seorang daripada umatku yang menjadi wali (pemimpin), lalu tidak menjaga mereka (rakyatnya) sebagaimana ia menjaga dirinya, melainkan orang itu tidak akan tercium baunya syurga."

Cara pemimpin di kebanyakan negara Islam yang bergolak mengendalikan urusan rakyat dan negara tidak mencerminkan sistem pemerintahan Islam sepertimana dikehendaki Allah dan rasul. Kekayaan negara dijadikan hak milik peribadi dan para pelabur asing. Apabila kemewahan dan kekayaan menjadi impian pemimpin maka usaha untuk membela rakyat semakin dilupakan. Ketika ini sikap terlalu bongkak dan rakus menyulami hati nurani sehingga mereka buta melihat hakikat yang wujud dalam negara. Suara rakyat diketepikan dan tindakan yang keras dilakukan ke atas rakyat yang menentang corak pemerintahan mereka.

Apabila pemimpin meletakkan diri sebagai individu yang mempunyai kuasa mutlak maka ketika ini kekejaman dan penindasan menjadi ciri-ciri dalam sistem pemerintahan. Jika wujud suasana sedemikian maka usah bermimpi untuk membentuk negara Islam yang ideal kerana ciri-ciri sistem pemerintahan dan pentadbiran lebih dikuasai oleh ideologi ciptaan manusia yang mengetepikan keadilan, kemanusiaan dan kesaksamaan di antara rakyat dan pemimpin.

Apabila pemikiran pemimpin sudah dikuasai oleh ideologi sekular yang mementingkan kuasa dan kemewahan maka amat sukar untuk rakyat menyuarakan harapan dan penderitaan mereka. Ketika ini prinsip ketaatan kepada pemimpin dan sikap tolak ansur tidak mungkin wujud dalam minda kebanyakan rakyat terutama golongan miskin.

Kekejaman pemimpin terhadap rakyat dibalas dengan tindakan radikal. Justeru slogan jihad untuk menuntut keadilan dan kemanusiaan menjadi semakin berpengaruh dalam kalangan rakyat.

Kemewahan dan kenikmatan kehidupan duniawi yang keterlaluan bukan sahaja boleh meruntun hati rakyat malah juga boleh menggugat kedudukan pemimpin dan kerajaan. Umar al-Khattab sering mengingatkan gabenor dan pentadbir negara dengan katanya: "Sesungguhnya itu (pewalian) bukanlah hasil titik peluh ayahmu atau ibumu atau titik peluh mu sendiri, maka berilah kepuasan kepada muslimin sebagaimana engkau memberi kepuasan kepada dirimu sendiri dan janganlah sekali-kali bersenang-lenang dan mengenakan pakaian sutera dan gaya orang musyrik."

Negara Islam yang mengalami pergolakan politik menghadapi tindakan daripada rakyat sejajar dengan apa yang pemimpin lakukan kepada mereka. Jika permasalahan rakyat dikendalikan secara kejam maka tindakan daripada rakyat adalah berbentuk radikal dan ganas.

Rasulullah SAW mengingatkan perkara ini dengan sabdanya, "Sebaik-baik pemimpin-pemimpin mu ialah mereka yang kamu cintai dan mencintai kamu, kamu berdoa untuk

mereka dan mereka berdoa untukmu. Dan seburuk-buruk pemimpin-pemimpinmu ialah mereka yang kamu benci dan membenci kamu dan yang kamu laknat dan melaknati kamu.”

Pelbagai cara digunakan oleh pemimpin negara-negara Islam bergolak untuk membanteras keganasan sehingga meminta kuasa besar dunia mencampuri urusan politik negara mereka.

Sikap begini menambahkan semangat penentangan terhadap kerajaan dan pemimpin. Ideologi radikal semakin berpengaruh dalam kalangan golongan muda demi menjatuhkan kerajaan.

Suasana begini memberi peluang kepada gerakan radikal seperti Daesh menambahkan kemelut dalam negara.

Perlu diingatkan bahawa kerajaan dan pemimpin yang amat prihatin kepada rakyat dan negara sentiasa kekal kedudukannya kerana teguran daripada rakyat dijadikan sebagai cara untuk bermuhasabah diri dan memperbetulkan kesilapan.

Sikap lunak dalam pemerintahan dan gigih membantu rakyat dan mengendalikan urusan negara secara ikhlas dan amanah mampu untuk membanteras sebarang ideologi radikal dan ganas dalam negara.

Oleh itu, fahamilah bahawa pemimpin yang baik dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dituntut oleh Islam supaya mentaatinya sepertimana sabda Rasulullah SAW: “Sekalipun hanya seorang hamba yang dijadikan pemimpin yang memerintah kamu tetapi sesuai dengan kitabullah maka hendaklah kamu dengar dan mentaatinya.” (Hadis riwayat Muslim ).

Apabila negara dipimpin oleh pemimpin begini maka amanlah negara dan rakyat hidup dengan harmoni.

**PROF. MADYA DR. SAODAH ABD. RAHMAN** berkhidmat di Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

#### Tag Berkaitan

Tindakan Keganasan Nilai-nilai Islam Pendapat

 www.11street.my	 -66% RM 102.00	 -57% RM 85.00	 -85% RM 26.00	 -78% RM 29.00	 -50% RM 19.90	 -57% RM 69.00
--	--	---	---	---	---	---

## ARTIKEL BERKAITAN

**KEGANASAN HANYA PAMER KEJAHILAN**  
Sayuti Mukhtar



**Pandangan IKIM**  
Istiqamah pada penghujung Ramadan  
Mohamad A'sim Ismail



**PENGERTIAN SEBENAR LAILATULQADAR**  
Mohd. Shauki Abd. Majid

**WASATIYAH PENGHUBUNG AGAMA, BANGSA & NEGARA**

**QuranHour**

Gerakan tangani masalah ummah

**KUMPUL PAHALA BUKAN TAMBAH DOSA**

## VIDEO TERKINI



Kapsul Berita 21 Jun 2017



Kapsul Berita 20 Jun 2017



Kapsul Berita 19 Jun 2017

Menyuburkan ajaran al-Quran dalam kehidupan seharian

Pemuda dikhuatiri lemas di Sungai Hulu Langat

Banjir di Hulu Langat menyusahkan penduduk

## VIDEO PILIHAN

SOCIAL STREAM

Utusan Feed



Lambakan kosmetik tiruan di internet bahayakan pengguna

1 h



Utusan



Warga emas menangis terharu terima bantuan

1 h



Utusan



UMNO PJS b... Hari Raya

1 h

AdChoices

ST

www.st.com.my

-66%

-85%

RM 102.00

RM 26.00

CROWDYNEWS

## ARTIKEL LAIN

Kumpul dana: Hukuman penjara 15 tahun dikurangkan



Rumah terbuka Datuk Pa hari raya ketiga

Sumbangan mencurah menjelang Aidilfitri



Pas setuju RCI ditubuhkan




Murid mangsa banjir terima bantuan persekolahan

Polis cekup kekasih edar dadah

Kakitangan Daya Urus terima sumbangan raya MB

Isu roboh resort, mahkamah batal saman Jamal



### Berita

**Terkini**

**Berita Utama**

**Utusan Live**

Nasional

Politik

Parlimen

Jenayah

Mahkamah

**Luar Negara**

Asean

### Rencana

Utama

Bisik-bisik

Cuit

Selak

Kolumnis

Forum

Agama

Blog

Sukan

### Wilayah

Johor

Kedah

Kelantan

KL & Putrajaya

Melaka

Negeri Sembilan

Pahang

Perak

Perlis

Pulau Pinang

Sabah

Sarawak

Selangor

Terengganu

### Hiburan

Berita

Selebriti

Muzik

Film & Drama

Rancangan TV

Seni & Budaya

### Gaya Hidup

Rekreasi

Pemotoran

Pelancongan

Keluarga

Kesihatan

Fesyen

### Sukan

Bola Sepak

Badminton

Lumba Kereta

Lumba Motorsikal

Basikal

Golf

Hoki

lain-Lain

Rencana Sukan

### Bisnes

Ekonomi

Korporat

Usahawan

Automotif

Hartanah

Teknologi

Saham & Wang

### Pendidikan

Umum

Sekolah

Kampus

Sastra

Agama

### Sains & Teknologi

Sains

Teknologi

Inovasi

Gedjet

Pertanian

Alam Sekitar

### Video

Terkini

Isu Semasa

Bisnes

Pemotoran

Gaya Hidup

Hiburan

Agama

Politik

## Kumpulan Utusan

Kumpulan Utusan | Kosmo! | Tutor | Saji Online | disini.my | MyBooks | Job House | Utusan Karya

Jom Iklan | Mengenai Kami | Terma & Syarat Policy

WWW.UTUSAN.COM.MY © 1997-2017 UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

No. 44, Jalan Utusan, Off. Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur.

